



Ruj. Tuan : -  
Ruj. Kami : PBKSB/Client/E&P/Vol.6/0924/015  
Tarikh : 18 September 2024

**Kepada:**

**Semua Pelanggan PBKSB**

Assalamualaikum WBT

Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PROJEK MENAIKTARAF SISTEM PENGURUSAN ELEKTRIK MELALUI PROJEK *SMART METER***

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa pihak kami sedang menjalankan kerja-kerja menaiktaraf sistem elektrik dan memperkenalkan sistem pengurusan tenaga yang lebih efisien melalui projek *Smart Meter*. Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan memastikan penggunaan tenaga dapat dipantau serta diuruskan dengan lebih cekap.
3. Projek menaiktaraf ini akan dilaksanakan secara berperingkat bagi meminimalkan gangguan kepada operasi pelanggan. Namun begitu, sepanjang tempoh perlaksanaan ini, gangguan bekalan elektrik berjadual akan berlaku. Pihak kami akan maklumkan kepada Tuan/Puan secara berasingan mengenai tarikh dan lokasi yang akan terkesan secara spesifik bagi memastikan persediaan awal dapat dilakukan. Kami akan berusaha sedaya upaya untuk meminimalkan kesan gangguan ini dan memastikan koordinasi yang rapi bersama pihak pelanggan dari masa ke masa.
4. Selain itu, pihak kami juga akan menjemput Tuan/Puan untuk menyertai siri latihan dan taklimat mengenai penggunaan sistem baru ini. Latihan ini bertujuan untuk memastikan Tuan/Puan memahami cara penggunaan sistem *Smart Meter* dengan mudah dan efisien. Informasi lanjut mengenai latihan ini akan dimaklumkan dari masa ke masa.
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lebih lanjut, sila hubungi wakil kami di talian 019-675 1066 (Norfardiana)/ 013-975 1169 (Wan Hazri).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"**

Yang Benar,



**(SYED ABDULLAH SYED OMAR)**

Pengurus Besar Kanan,  
Pangkalan Bekalan dan Sokongan

s.k:

1. Dr.Abdullah bin Abdul Ghani  
General Manager, Engineering and Special Project
2. Ahmad Zaidi bin Draman@Abdul Rahman  
Senior Manager, Liaison & Property
3. Wan Hazri bin Muhammad  
Senior Manager, Info Tech
4. Hishamuddin Ramli  
Senior Manager, Engineering and Project